

Tambang mahal, teksi kotor jejas perkhidmatan

KUALA LUMPUR: Ramai pengguna teksi di Lembah Klang merungut mengenai mutu perkhidmatan dan keadaan pengangkutan awam itu yang tidak memuaskan, malah tidak setimpal dengan bayaran dikenakan.

Pekerja swasta, Mohd Asyraf Yahya, 23, berkata ada teksi tidak memasang pendingin hawa, manakala tempat duduk kotor hingga mengundang rasa tidak selesa penumpang.

"Sepatutnya setelah penat bekerja, menaiki teksi boleh merehatkan badan sekejap sebelum sampai ke rumah. Namun dengan keadaan pendingin hawa yang tersumbat dan tempat duduk penumpang kotor menjadikan saya tidak senang duduk.

"Lebih menyedihkan, ketika tiba ke destinasi, tambang dikenakan terlalu mahal disebabkan jalan sesak," katanya.

K Navamani, 18, pula menyifatkan sikap tidak sopan sesetengah pemandu teksi memberikan kesan yang buruk kepada seluruh pemandu pengangkutan awam berkenaan.

"Saya pernah berdepan dengan pemandu teksi yang gatal malah ada segelintir mereka kurang ajar dan memaki penumpang dengan sewenang-wenangnya.

"Justeru, saya memohon pihak bertanggungjawab mengadakan kursus atau ceramah kepada pemandu teksi dan mengenakan tin-



SEBAHAGIAN pemandu teksi mengabaikan kebersihan menyebabkan penumpang tidak selesa.



B/M 10/6/12
MS 11

Saya pernah berdepan dengan pemandu teksi yang gatal malah ada segelintir mereka kurang ajar dan memaki penumpang dengan sewenang-wenangnya



K Navamani
Pengguna

dakan jika mendapat aduan permasalahan ini," katanya.

Sementara itu, pekerja swasta, Ti Lien Soon, 41, turut mengakui perkhidmatan teksi di negara ini masih tidak mencapai tahap memuaskan kerana beberapa faktor seperti penipuan dan segelintir pemandu kurang beradab.

"Walaupun peningkatan perkhidmatan semakin baik, seperti menggunakan meter, namun ada segelintir pemandu mengambil kesempatan menipu dan tidak meng-

hormati penumpang seperti merokok," katanya.

Berbeza bagi Ahmad Maarof, 63, yang berpendapat perkhidmatan pengangkutan awam itu banyak perubahan dan semakin berkualiti berbanding sebelum ini.

"Peningkatan dari segi penggunaan kereta iaitu dari Proton Iswara kepada Proton Waja banyak memberi keselesaan penumpang, malah penggunaan kupon di sesetengah tempat banyak memberi kemudahan," katanya.